

## TERMA DAN SYARAT UNTUK PROMOSI PEK JASA

Terma dan Syarat bagi promosi Pek Jasa ("Promosi") hendaklah di baca bersama dengan Mobile Terma dan Syarat Mobile Postpaid yang boleh didapati di <https://unifi.com.my/mobile/postpaid/tnc.html> dan [www.unifi.com.my](http://www.unifi.com.my) (tertakluk kepada perubahan terma di masa hadapan). Sekiranya terdapat percanggahan terma, terma Promosi ini akan diguna pakai. TM berhak untuk merubah, menggantung, memadam atau meminda terma Promosi ini dari masa ke masa tanpa sebarang notis.

### A. Umum

1. Pek Jasa ("Promosi") kini dibuka kepada:
  - Semua penjawat awam berstatus lantikan tetap atau kontrak kerajaan persekutuan;
  - Semua penjawat awam berstatus lantikan tetap atau kontrak kerajaan negeri;
  - Semua anggota tentera yang masih berkhidmat di bawah Angkatan Tentera Malaysia (ATM);
  - Anggota tentera yang sudah bersara dari perkhidmatan tentera;
  - Anggota polis yang masih berkhidmat dibawah Polis Diraja Malaysia (PDRM)
2. Promosi ini berlangsung dari 12 April 2019 sehingga 31 Disember 2021 ("Tempoh Promosi"). Walaubagaimanapun, bagi sepanjang tempoh Promosi, di atas budi bicara tunggal dan mutlak, TM boleh melanjutkan tempoh Promosi tanpa notis terlebih dahulu ("Tempoh Lanjutan") dan sebarang penyertaan dalam Promosi sepanjang Tempoh Lanjutan (jika ada) akan dikawal oleh Terma dan Syarat, yang akan terus berkuat kuasa dan berkesan dan hendaklah dibaca dan ditafsirkan untuk dikuatkuasakan.

### B. Tawaran Promosi

3. Promosi adalah pakej yang dilengkapi dengan pelan mudah alih bersama data, panggilan dan SMS tanpa had bernilai RM59 (tidak termasuk cukai perkhidmatan 6%). Pelanggan dinasihatkan untuk menggunakan model telefon Band 5 bagi menikmati data, panggilan dan SMS tanpa had di bawah promosi ini.
4. Pelanggan mungkin dikenakan penggantungan perkhidmatan jika didapati menggunakan Promosi ini untuk membuat panggilan melebihi 2000 minit atau/dan menggunakan sehingga 5GB data (pada bila-bila masa dalam masa sebulan) menerusi model telefon bukan Band 5.
5. Pelanggan mestilah berstatus penjawatan tetap atau kontrak dengan kerajaan persekutuan atau kerajaan negeri semasa Tempoh Promosi untuk kelayakan melanggan Pek Jasa.
6. Tiada tempoh kontrak bagi langganan Pek Jasa. Bayaran pendahuluan sebanyak RM100 akan dikenakan bagi setiap langganan.
7. Pelanggan perlu menunjukkan Kad Pengenalan Tentera, Kad Veteran Tentera, Kad Kuasa Polis atau Kad Pengenalan Awam semasa pendaftaran Promosi. Sekiranya pelanggan tidak mempunyai Kad Pengenalan Tentera, Pesara Tentera atau Kuasa Polis, surat pengakuan dengan cap rasmi dari Jabatan adalah diperlukan.
8. Bagi penjawat awam yang menamatkan perkhidmatan dengan kerajaan akan hilang kelayakan melanggan Pek Jasa. Oleh itu, unifi mempunyai hak untuk menukar langganan Pek Jasa kepada plan unifi Mobile yang lain dengan persetujuan pelanggan.
9. Pelanggan berhak menikmati 10GB LTE hotspot setiap bulan di kawasan liputan LTE. Hotspot tidak disediakan untuk kawasan yang tiada liputan 4G/LTE.

10. Promosi ini terhad kepada satu (1) langganan sahaja bagi seorang Pelanggan dan Kad Pengenalan.
11. Pelanggan boleh mendaftar Promosi di TMpoint yang berdekatan di seluruh negara.
12. Sekiranya TM mendapati langganan itu dimanipulasi atau dikompromi untuk Promosi ini, TM mempunyai hak budi bicara untuk menarik balik atau membatalkan langganan. Semua keputusan adalah muktamad dan tidak ada rayuan. Selanjutnya, TM mempunyai hak untuk menamatkan pelan tanpa notis terlebih dahulu tanpa hak untuk merayu daripada Pelanggan.

**C. Variasi**

13. TM berhak untuk meminda, memotong, mengubah atau menambah terma dan syarat Kempen pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu kepada mana-mana pihak.
14. Semua undang-undang tempatan Malaysia terpakai bagi kempen ini.

**D. Sulit**

15. Pelanggan dengan ini mengakui bahawa TM berhak untuk berkongsi dan menggunakan data pelanggan dan maklumat peribadi pelanggan di dalam TM dan / atau syarikat-syarikat berkaitannya untuk tujuan pemasaran aktiviti berkaitan dengan produk dan perkhidmatan TM dan / atau syarikat-syarikat berkaitannya dari masa ke semasa hingga ke masa yang dianggap sesuai oleh TM. Notis Privasi TM terpakai, untuk maklumat lanjut mengenai Notis Privasi mengenai kumpulan syarikat TM, sila layari [www.unifi.com.my](http://www.unifi.com.my) untuk maklumat lanjut.

